

CONFERENCE PROCEEDING

Kecenderungan Minat Murid Pintar Dan Berbakat Muslim Dalam Bidang Sains

Muhammad Abrar Zamri¹, Norazlina Subani¹, Rosita Zainal^{1*}, Ehwan Ngadi¹,
Mohamad Azani Abd Kadir Jailani¹, Liyana Amalina Adnan¹, Ahmad Hakimi
Shaffie¹, Faizatul Atirah Fadzil Zabidee¹, Adnan Mohamed Yusoff²

¹Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

**Corresponding author: rosita@usim.edu.my*

ABSTRAK

Murid pintar dan berbakat mempunyai kebolehan dalam mempertingkatkan potensi diri untuk memastikan prestasi yang cemerlang dan seterusnya memperoleh pencapaian tertinggi jika dibanding dengan murid lain seusia mereka. Sehubungan itu, murid pintar dan berbakat mendapati sistem pendidikan semasa berada pada tahap yang rendah atau sederhana selaras berdasarkan umur akal mereka. Satu kajian telah dilaksanakan tentang pemetaan kecenderungan sains dan hafazan Al-quran dalam kalangan murid pintar dan berbakat muslim di Malaysia. Soal kaji selidik telah digunakan sebagai penanda aras kecenderungan murid. Seramai 466 orang murid Kolej GENIUS Insan telah dikenalpasti sebagai responden dalam kajian ini. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan mengelaskan kecenderungan murid terhadap bidang sains yang memfokuskan pemikiran logik dan juga hafalan seperti Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi melalui soal kaji selidik yang telah dijalankan di kalangan murid pintar dan berbakat muslim.

Kata kunci: Pemetaan; sistem pendidikan; pengajaran dan pembelajaran murid pintar dan berbakat muslim; kecenderungan bidang sains

PENGENALAN

Sejak kemerdekaan negara pada tahun 1957, pendidikan pintar dan berbakat tidak dianggap sebagai salah satu cabang pendidikan di Malaysia. Akta Pendidikan 550 (1996) secara khusus menggariskan tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan pembangunan holistik dalam setiap peringkat pendidikan seperti pra-sekolah, rendah, menengah, pasca menengah, tinggi dan pendidikan khas. Pada masa yang sama, KPM memberi sokongan dari segi pembangunan serta penyediaan infrastruktur dan sumber manusia. Walau bagaimanapun, ketiadaan dasar pendidikan pintar dan berbakat di Malaysia tidak bermakna bahawa peruntukan untuk murid pintar dan berbakat tidak diambil kira sepenuhnya dalam sistem pendidikan Malaysia (Abu Yazid & Noriah, 2016; Noriah, 2012; Noriah et al., 2009).

Sukatan pelajaran lanjutan dan program pengayaan boleh dilaksanakan untuk menyediakan modul pendidikan yang berkualiti tinggi dan mencabar kepada murid pintar dan berbakat. Pada 2004, Davis dan Rimm, menyatakan bahawa kurikulum harus disediakan secara meluas dan lebih mendalam bagi mempertingkatkan pencapaian murid pintar dan berbakat kepada tahap yang cemerlang (Davis & Rimm,

2004). Di Kolej GENIUS Insan, murid pintar dan berbakat muslim diajar mata pelajaran sains seperti Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan di peringkat awal sekolah menengah. Selain itu, seawal usia 13 tahun, murid didedahkan kepada subjek penyelidikan.

Dalam penyelidikan ini, kecenderungan minat berfokus kepada bidang sains dikalangan murid pintar dan berbakat muslim di Kolej GENIUS Insan telah dijalankan. Murid dinilai melalui amalan harian, minat dan ciri-ciri peribadi masing-masing. Soalan-soalan di dalam soal kaji selidik telah diberikan kepada murid pintar dan berbakat muslim berdasarkan kriteria yang ingin diukur dan dikenalpasti. Data yang diperoleh dari kaji selidik ini akan digunakan untuk pembangunan model yang boleh dijadikan rujukan untuk melahirkan murid pintar dan berbakat yang bukan sahaja mampu mencapai kejayaan yang hebat dalam bidang Sains, malah mampu menghafaz, memahami dan mengintegrasikan ayat-ayat Al-Quran yang telah dihafaz.

METODOLOGI

Semasa menjalankan penyelidikan ini, murid pintar dan berbakat muslim di Kolej GENIUS Insan diberi masa selama seminggu untuk memahami, meneliti dan menjawab soal kaji selidik ini. Soal kaji selidik ini terbahagi kepada enam (6) bahagian yang wajib dijawab. Soalan-soalan kaji selidik ini merangkumi maklumat diri, latar belakang keluarga, persekitaran sekeliling, latar belakang pendidikan sekolah rendah dan agama, kecenderungan minat murid dalam bidang Sains dan kecenderungan minat murid dalam bidang hafazan.

Seramai 466 orang murid semasa dan alumni Kolej GENIUS Insan telah menjawab soal kaji selidik ini. Kecenderungan murid pintar dan berbakat muslim ditentukan melalui pemerhatian dan penilaian melalui kaedah kuantitatif.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kecenderungan minat murid pintar dan berbakat muslim dalam bidang Sains telah ditentukan dengan menggunakan kaedah soal kaji selidik. Dalam soal kaji selidik ini, murid telah diberikan 12 soalan untuk menilai kecenderungan minat mereka dalam bidang Sains. Mereka diberikan lima skala iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

Didapati 64% daripada 466 murid lebih gemar untuk menyelesaikan masalah Matematik dan meminati mata pelajaran Matematik dan Sains. Hal ini disebabkan mereka mempunyai kebolehan untuk mencongak dengan lebih pantas berbanding murid yang lain.

Murid alumni 2020 didapati cenderung untuk menyertai seminar, bengkel, kursus atau aktiviti Sains dan Teknologi serta membaca bahan berunsurkan Sains dan Teknologi. Hal ini terbukti dengan keputusan soal kaji selidik yang menunjukkan 82% daripada keseluruhan murid memberikan maklum balas setuju dan sangat setuju untuk menghadiri seminar, bengkel, kursus atau aktiviti Sains dan Teknologi, Manakala 79% murid memberikan menjawab setuju dan sangat setuju untuk membaca bahan bacaan berunsurkan Sains dan Teknologi. Ianya juga disokong dengan kebanyakan murid alumni 2020 telah melanjutkan pelajaran dalam bidang Sains dan Teknologi.

Seramai 76% daripada keseluruhan 466 murid gemar untuk menonton filem Sains fiksi. Hal ini kerana remaja pada kalangan usia ini lebih gemar untuk berimajinasi yang mana mencabar kebolehan berfikir secara kritis dan logik. Filem

Sains fiksiyen juga mendapat tempat di kalangan masyarakat kini. Maka tidak hairanlah ramai murid lebih cenderung untuk menonton filem Sains fiksiyen.

Bagi soalan berikutnya, 75% daripada kesemua responden lebih gemar untuk mencari atau mengenal pasti justifikasi di sebalik perlakuan atau tindakan seseorang itu. Mereka suka memerhati dan menganalisis tindakan seseorang tersebut. Responden juga mampu berfikir dengan lebih logik dan menggunakan fakta apabila berhujah. Hal ini dapat dibuktikan dengan sejumlah 65% murid bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Manakala seramai 4.5% daripada keseluruhan responden tidak melakukan rujukan sebelum melontarkan pendapat. Kelompok ini lebih suka untuk meluahkan pendapat mereka tanpa menganalisis atau menyelidik terlebih dahulu. Hal ini berbeza dengan 70% responden lain yang akan mengkaji dan memastikan fakta dalam setiap perkara yang perlu mereka kongsi atau yang akan mereka pelajari.

Seramai 12% daripada murid 13 tahun tidak suka untuk membina model baru dan tidak berminat untuk menyertai pertandingan inovasi dan kreativiti. Hal ini kerana mereka masih kurang terdedah mengenai pertandingan-pertandingan sebegini jika dibandingkan dengan murid yang lebih berusia. Pendedahan dan perkongsi yang cemerlang perlu disediakan bagi murid 13 tahun untuk memastikan kebolehan mereka dapat dicungkil dan digilap dengan baik. Ini disokong dengan kajian oleh (Moltzen, 2004) yang menyatakan, murid pintar dan berbakat boleh menunjukkan kebolehan luar biasa dengan cemerlang.

Terdapat segelintir responden iaitu seramai 13% tidak cenderung untuk menerangkan idea dalam bentuk lakaran grafik. Ini kerana murid pintar berbakat terdiri daripada murid kinestetik dan auditori. Mereka lebih gemar untuk bergerak dan mendengar apabila menerangkan pemerhatian dan keputusan mereka.

KESIMPULAN

Keputusan kajian ini mendapati murid pintar dan berbakat muslim menunjukkan minat yang tinggi serta berkebolehan berfikir secara logik pada aras tinggi dan lebih cenderung terhadap bidang sains.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas dana penyelidikan PPPI/KHAS_IGED/KGI/USIM/12521.

RUJUKAN

- Ministry of Education Malaysia. 2013. Malaysia Education Blueprint 2013-2025(Preschool to Post-Secondary Education). Retrieved from <https://www.moe.gov.my/numedia/media-cetak/penerbitan/dasar/1207-malaysia-education-blueprint-2013-2025/file>.
- Abu Yazid, A. B., & Noriah, M. I. 2016. Pendidikan Pintar dan Berbakat di Malaysia. Bangi: Penerbit UKM.
- Noriah, M. I. 2012. Mentoring for Research Activities among Gifted and Talented Students. In International Association of Prosecutors 2012 Strategic Business Plan. Bangi: Pusat PERMATApintar™ Negara.
- Noriah, M. I., Rosadah, A. M., & Siti, R. A. 2009. Sejarah dan konsep PER-MATApintar. In M. I. Noriah, A. M. Rosadah, & F. M. Y. Siti (Eds.), PERMATApintar: Pengalaman UKM (pp. 1-18). Bangi: Pusat PERMATApintar™ Negara.
- Davis, G.A. and Rimm, S.B. 2004. Education of the Gifted and Talented (5th ed.) Pearson Education, Boston.
- Moltzen, R. 2004. Characteristics of gifted children. In D. McAlpine & R. Moltzen (Eds), Gifted and talented: New Zealand perspectives (2nd ed. pp.67-92). Palmerston North, New Zealand: Kanuka Grove Press.